

07/04/1998

Ke mana hala tuju pendidikan vokasional

Guru Vokasional

PENDIDIKAN Vokasional bermula sejak 1902 dengan penubuhan Sekolah Seni Tanah Melayu di Perak untuk mengajar kraftangan. Ia berkembang pada 1918 dengan pembentukan Suruhanjaya Pendidikan Teknik dan Industri yang mengkaji Sekolah Pertanian dan Teknik.

Sehingga pada 1926 Sekolah Teknik pertama didirikan di Kuala Lumpur yang akhirnya dinaikkan taraf menjadi Maktab Teknik pada 1944.

Sekolah pertukangan tangan yang memberikan latihan membaiki motor dan enjin dan pelbagai kemahiran lain di Kuala Lumpur, Perak, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Tiga puluh tahun kemudian Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan diketuai oleh Menteri Pelajaran ketika itu Dr Mahathir Mohamad, membentangkan laporan antara lain menyebut sistem pendidikan mestilah dapat melahirkan tenaga manusia yang diperlukan negara.

Dengan itu bidang akademik dan vokasional perlu diberi penekanan maka lebih banyak sekolah Vokasional hanya mengambil pelajar yang gagal dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Bagaimanapun, sambutan yang pesat di bidang kemahiran menarik minat pelajar yang bukan saja lulus, malah cemerlang dalam peperiksaan SRP atau PMR untuk memasuki Sekolah Vokasional.

Ironinya baru-baru ini ada ura-ura memansuhkan semua aliran vokasional di Sekolah Menengah Teknik (SMT).

Bagi pengetahuan pembaca, di Sekolah Teknik (dulunya Sekolah Vokasional) kursus aliran vokasional masih dijalankan. Suka saya nyatakan aliran vokasional menyediakan kursus Penyejukan dan Penyamanan Udara, Binaan Bangunan, Kimpalan dan Fabrikasi Logam, Elektronik, Elektrik, Automotif, Pengurusan Perniagaan, Amalan Bengkel Mesin, Tukang Paip, Jentera Ladang, Pengurusan Ladang, Hortikultur Hiasan, Seni Kecantikan, Rekaan Fesyen dan Membuat Pakaian, Katering, Asuhan Kanak-Kanak; Bakeri dan Konfeksioneri.

Umpama bola yang boleh ditendang sesuka hati, kami kebanyakan guru yang mengajar subjek kursus merasa dipermainkan oleh pihak atasan.

Mana tidaknya kebanyakan kami (guru DG6) yang telah menjalani pelbagai kursus kemahiran sama ada dalam atau luar negara termasuk semasa di Maktab Perguruan Teknik (MPT) ada ura-ura mengatakan akan dipindahkan ke sekolah menengah biasa di mana dikehendaki mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup, Sejarah, Geografi dan lain-lain.

Ada juga guru yang dipindahkan terutama selepas menjalani Kursus Diploma Perguruan Khas (KDPK). Manakala guru yang masih tinggal di SMT (guru DG3) akan mengajar mata pelajaran Teknik seperti Kejuruteraan Jentera, Kejuruteraan Awam dan Kejuruteraan Elektrik.

Ini bermakna sia-sia saja segala kemahiran yang ada pada kami yang kebanyakannya mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) peringkat pertengahan dalam bidang masing-masing.

Begitu juga pihak kerajaan pasti mengalami kerugian kerana mengeluarkan belanja berjuta ringgit untuk menghantar kami menjalani kursus di luar negeri.

Tidak hairan semakin ramai guru di SMT menamatkan perkhidmatan dan beralih ke sektor swasta yang menjanjikan masa depan yang lebih baik.

Ingin saya bertanya kepada pihak yang berkaitan apakah motif sebenar kursus Vokasional di SMT akan dilupuskan?

Apakah dengan adanya institut kemahiran seperti Institut Kemahiran Mara

(IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Giat Mara, Kemas dan Tati sudah mencukupi untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir di sektor swasta.

Bayangkan tenaga mahir yang ada pada masa ini tidak mencukupi untuk menampung keperluan negara apatah lagi pada masa depan.

Adakah cita-cita kita dan Datuk Seri Dr Mahathir sendiri untuk menjadikan negara ini negara perindustrian hanya retorik kosong? Apakah cukup dengan melahirkan ramai jurutera tanpa ada tenaga mahir kita mampu menjadi sebuah negara perindustrian?

Perdana Menteri sendiri mengakui negara kita sangat memerlukan ramai tenaga mahir dan beliau menggalakkan rakyat menerokai bidang kemahiran. Ini dinyatakan beliau ketika merasmikan kampus induk Institut Teknikal Tinggi Terengganu (Tati) pada 11 Oktober 1997 lalu.

Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia (PJK) yang dianjurkan dengan kerjasama pelbagai kementerian dan sektor swasta bertujuan untuk mengiktiraf kebolehan kemahiran seseorang yang diberi Anugerah Tangan Emas bermula pada 1990.

Jika diperhatikan siapakah yang menyertai pertandingan itu? Bukankah sebilangan besar dari mereka mempunyai latar belakang pendidikan vokasional. Dalam setengah bidang yang dipertandingkan tidak ada pemenang pertama dan kedua. Bermakna belum ada yang memenuhi kriteria untuk memenangi tempat itu. Tidakkah ini menjadi masalah besar untuk menjadi sebuah negara industri?

Fikirkan, kalaulah pendidikan vokasional dihentikan kita hanya mendapatkan sumber tenaga mahir dari Institusi kemahiran yang saya sebutkan tadi. Adakah ia mencukupi?

Pembaziran paling ketara iaitu peralatan dan mesin di Sekolah Teknik yang digunakan oleh aliran vokasional ke mana akan dicampakkan?

Pastinya semua peralatan ini bernilai berjuta-juta ringgit. Sedangkan aliran Pendidikan Teknik lebih menekankan pelajaran akademik berbanding amali (praktikal).

Apakah kita ingin terus melakukan pembaziran tambahan di kala negara menghadapi krisis matawang? Apakah dengan penutupan kursus vokasional di SMT akan memudahkan kerja pihak atasan yang terbabit?

Adakah mereka jijik melihat pelajar bermain dengan kotoran disebabkan minyak, tanah atau debu pasir?

Kalau dilihat negara maju seperti Jepun, seorang jurutera boleh membuat kerja pekerja paling bawah.

Saya sendiri semasa mengikuti latihan bersama kumpulan pekerja Jepun, saya lihat Jurutera mereka boleh membuat kerja Juruteknik atau pekerja bawahannya. Lain pula di Malaysia, masih ada ramai Jurutera yang hanya pandai bercakap mengenai teori tetapi berasa kekok bila memegang sepana.

Pada masa ini sudah ada Kementerian dan Institusi swasta yang mengiktiraf pelajar berkelulusan kemahiran dengan adanya Institusi Kemahiran Belia Tinggi Negara (IKBTN) dan Tati. Manakala swasta seperti Malaysian French Institute, Universiti Telekom, Universiti Tenaga Nasional dan lain-lain lagi. Syarat kelayakan untuk memasuki Institusi ini ialah SPM atau Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) di samping memiliki Sijil SKM dan pengalaman tertentu. Kebanyakan Institusi ini menyediakan kursus pada tahap Diploma dan peringkat Ijazah. Bukankah ini satu petanda yang sangat baik bahawa kita juga mampu melahirkan jurutera yang berkemahiran tinggi? Dari manakah semua institusi ini mendapatkan calon pelajar? Tidakkah merugikan masa dan wang apabila pelajar yang masuk perlu dilatih supaya berkemahiran berbanding pelajar SPMV dari Sekolah lagi sudah biasa dengan set sepana, pemutar skru, penuji, ketam kayu, mesin pencanai, gunting, jeris kain dan ketuhar sehinggalah membaikpulih enjin, membaiki unit penyaman udara, membina bangunan setingkat, melukis dan

membaca pelan, mengimpal dan merekabentuk pintu pagar, merawat radio dan TV, pendawaian elektrik rumah, menggunakan komputer, membuat omboh, mengurus ladang dan mencipta fesyen pakaian serta jenis masakan terkini.

Saya tidak nafikan keupayaan pelajar berkelulusan SPM tetapi adalah lebih baik jika pada masa yang sama pelajar SPMV dan SPM sama-sama menuntut di Institusi Pengajian Tinggi yang menyediakan kursus kemahiran ini di mana boleh bertindak sebagai pengajar untuk kerja amali (praktikal) kepada pelajar SPM sama ada di dalam kelas atau luar kelas. Tentunya dapat menambahkan pengetahuan praktikal pelajar SPM. Inilah yang kami lakukan semasa menuntut di politeknik dulu. Kami bergabung untuk belajar dan mengajar subjek amali dan akademik dengan bantuan pensyarah. Hasilnya semua rakan mahir dalam teori dan amali jurusan yang diambil seterusnya dapat menjawat jawatan yang baik dalam sektor swasta.

Bukankah ini hasil dari penerapan ilmu amali dan teori dari awal lagi. Tentunya bukan satu perkara yang mustahil Malaysia juga mampu melahirkan jurutera yang setanding dengan negara lain. Sekali gus tercapailah wawasan kita dan Perdana Menteri sendiri menjadikan negara ini sebuah negara perindustrian yang disegani.

Kepada pihak berkenaan cuba fikirkan segala baik buruknya kursus vokasional di SMT sekiranya dihentikan.